

# Dr Mahathir nafi cetus perang terhadap kerajaan

BH-28/6/2006

**K**UALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad semalam menafikan beliau cuba mencetuskan perang terhadap kerajaan, sebaliknya mendakwa hanya menyuarakan pendapat peribadi berikutan 'kesilapan yang dilakukan kerajaan,' bertujuan membolehkan Malaysia mencapai Wawasan 2020.

"Tidak ada perang terbuka. Kritikan bukan peperangan. Mereka cuba kata ini perang antara saya dengan Perdana Menteri. Ketika saya menjadi Perdana Menteri, saya juga dikritik," katanya.

Memberitahu sidang media selepas Forum Pertukaran Global 'Menangani Cabaran Global dalam Dunia Tidak Menentu' di sini semalam, Dr Mahathir menyifatkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz sebagai 'budak suruhan' kerajaan dan Umno untuk memburuk-burukkan imejnya.

Malah, katanya, Nazri tiada hak untuk menyarankan beliau meninggalkan Umno dan menyertai pembangkang.

"Saya tidak menghiraukan pendapat Nazri. Memanglah dia 'hatchet' (kaki pukul). Saya tahu, sekarang ada proses memburuk-burukkan saya seolah-olah saya ini syaitan. Apabila sampai ke tahap saya dianggap sebagai syaitan, saya akan dipecat daripada Umno.

"Mereka menuduh saya menggunakan landasan pembangkang. Saya cuma mem-

beri syarahan dalam program (dialog anjuran gabungan badan bukan kerajaan dan Rakan Media Alternatif) itu. Saya bukan penganjur. Kalau orang Pas hendak datang, saya tidak boleh halang," katanya.

Kelmarin, Nazri, yang mengisytiharkan perang terbuka dengan Dr Mahathir dan mempersoalkan tindakan bekas Presiden Umno itu kerana bersekongkol dengan pembangkang, mencadangkan beliau menyertai pembangkang jika ingin mengkritik kerajaan.

Dr Mahathir, yang diminta mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu berkata, Umno bukan milik Nazri, sebaliknya milik masyarakat Melayu.

"Siapa yang hendak kecewa dengan Nazri? Umno bukan milik Nazri. Parti milik Melayu. Dia tidak ada hak hendak suruh orang itu keluar, orang ini keluar. Dia belum ber-

**“**Tak ada masalah, saya bersedia pada bila-bila masa saja...tetapi jangan cakap saya cabar dia (Dr Mahathir), tidak manis kerana kita orang Timur,**”**

**Nazri Aziz**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

anak saya sudah jadi ahli Umno.

"Ini tidak akan menghentikan saya untuk mengkritik. Saya tidak ada cita-cita untuk kembali sebagai Perdana Menteri atau Ahli Parlimen. Umno adalah milik rakyat. Setakat ini saya tidak melanggar Perlembagaan Umno," katanya.

Sementara itu, Nazri pada sidang media di Lobi Parlimen, semalam menyatakan ke-sanggupan untuk berdebat dengan bekas Perdana Menteri berhubung kritikan yang dilemparkan terhadap kerajaan.

Nazri berkata, bekas Perdana Menteri selama 22 tahun itu sepatutnya menyanggah perkara yang beliau nyatakan kelmarin, bukan sekadar menggelarnya sebagai tukang pukul.

"Bagi saya, bila anda tidak dapat menyanggah perkara yang saya bangkitkan, anda sekadar memberi ulasan biasa seperti mengatakan saya tukang pukul. Sanggahlah apa yang saya cakap sebagai pembohongan. Katakan Nazri tidak bercakap benar, saya mahu mendengarnya.

"Saya tidak terjejas langsung dengan panggilan tukang pukul itu. Saya masih seorang menteri, saya mempertahankan kerajaan. Kita bercakap mengenai ekonomi merosot, ini semua kerana dia. Dia yang menyebabkan masalah. Seluruh dunia tahu bagaimana bekas Perdana Menteri mahu menumbangkan kerajaan sekarang," katanya.